



TAJUK: PENYAMPAIAN MAKLUMAT PAMERAN BAHAN DADAH YANG KURANG EFISIEN DAN EFEKTIF

CAH LIGAH | KATEGORI
AADK NEGERI TERENGGANU INOVASI PENAMBAHBAIKAN



ISI KANDUNGAN

K.I.K 2018



Ringkasan Eksekutif	 i - ii
Kriteria 1 : Penglibatan Pihak Pengurusan	 1
Kriteria 2 : Signifikan Projek dan Pembuktian	 2 - 3
Kriteria 3 : Tindakan Penyelesaian	 4 - 9
Kriteria 4 : Keberhasilan Projek	 10 - 13
Kriteria 5 : Potensi Pengembangan Inovasi	 14 - 15
Lampiran	 iii - viiii



RINGKASAN EKSEKUTIF



1. PENGENALAN

Budaya inovasi menjadi elemen penting ke arah mencapai status organisasi bertaraf dunia. Budaya inilah yang cuba diterapkan dalam diri setiap warga Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Justeru, Kumpulan CAH LIGAH AADK Negeri Terengganu memilih Bidang Inovasi Dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) iaitu Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dalam kategori penambahbaikan untuk menghasilkan projek kumpulan.

Pemilihan projek ini adalah berpandukan beberapa ciri utama di dalam Inovasi Penyampaian Perkhidmatan iaitu untuk memberi impak yang lebih besar dan keselesaan serta tanggapan positif pelanggan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan.

Selain itu untuk meningkatkan kecekapan petugas dalam mengendalikan tugas yang diberikan serta memberikan satu hasil yang besar dalam menjimatkan kos dengan mengoptimalkan seminima mungkin kos dalam melaksanakan tugas bagi menangani kekangan sumber kewangan pada negara serta bahagian pengurusan tadbir serta memperkenalkan produk inovasi baharu dan memperluaskan lagi penyampaian perkhidmatan dengan memantapkan pelaksanaan tugas dengan lebih jitu serta menolak kaedah yang diguna pakai kerana hasil tugas yang kurang berkesan serta untuk memanfaatkan sepenuhnya bidang teknologi dan kepakaran yang sedia ada menjadi satu bidang teknologi yang baharu dalam jabatan.

Ironinya, pertandingan ini menjadi medan kepada ahli dalam mengenengahkan idea dan sentuhan inovasi dalam memberikan nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan jabatan.



3. KAEDAH DAN TEKNIK PENGHASILAN INOVASI

Percambahan minda serta idea yang logikal diperlukan bagi menghasilkan satu projek yang berinovatif dan fleksibel. Kaedah dan teknik yang bertepatan dengan isu dan masalah amat penting dalam menghasilkan projek kumpulan. Ahli kumpulan telah membuat percambahan minda dari masa ke semasa dengan menggunakan kaedah Design Thinking serta Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) bagi penghasilan projek yang berinovasi tinggi.

Kesemua proses ini digunakan untuk menghasilkan projek bagi menyelesaikan masalah yang timbul untuk memberi manfaat kepada pelanggan dan secara tidak langsung produk ini boleh dikomersilkan ke semua organisasi.



2. ISU ATAU MASALAH DAN KEADAAN SEBELUM INOVASI

Idea untuk melaksanakan projek ini tercetus hasil daripada pengalaman bertugas ahli kumpulan dalam mengendalikan pameran dan menyampaikan maklumat pendidikan pencegahan dadah kepada kumpulan sasaran.

Isu yang diperkatakan adalah berkaitan **Penyampaian Maklumat Pameran Bahan Dadah Yang Kurang Efisien dan Efektif**. Isu ini sekaligus memberi kesan kepada keberkesanan penyampaian mesej pendidikan pencegahan dadah kepada masyarakat dan sekaligus boleh menjejaskan imej jabatan.

Antara isu yang dibangkitkan adalah :

- ✓ Alat pameran bahan dadah yang dibekalkan kurang informasi dan menyebabkan moral petugas menurun dan tiada minat mengendalikan pameran
- ✓ Berlaku pembaziran masa pengendalian kerana alat pameran bahan dadah dibekalkan dalam satu set berasingan menyebabkan alat tersebut dipamerkan secara tidak sistematik
- ✓ Masyarakat tidak berminat dengan hebahan bersifat statik / manual
- ✓ Bilangan pengunjung ke pameran yang diadakan berkurang kerana informasi tidak menarik
- ✓ Mesej pendidikan pencegahan dadah tidak mencapai matlamat yang diharapkan

Justeru, cetusan minda dan idea daripada semua ahli adalah untuk memenuhi dan memberi penekanan kepada keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan dalam pendidikan pencegahan dadah kepada masyarakat.

Kumpulan akhirnya menetapkan sasaran projek sebagaimana berikut :



MENINGKATKAN KEPUASAN DAN KEFAHAMAN PENGUNJUNG PAMERAN



PENJIMATAN MASA PENGENDALIAN

- Penjimatan masa sebanyak 50%



PENGURANGAN PROSES KERJA CARTA ALIRAN PROSES



4. KEBERHASILAN PROJEK

Projek inovasi yang diberi sentuhan inovasi penambahbaikan melalui teknik S-C-A-M-P-E-R dinamakan sebagai "Trans-Box v2" iaitu satu set lengkap alat pameran bahan dadah. Kelebihan inovasi ini adalah seperti berikut :



Trans-Box v2 adalah memenuhi dan memberi penekanan kepada keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan dalam pendidikan pencegahan dadah.



Trans-Box v2 ditambahbaik kepada hebahan berkonsepkan gabungan secara visual "actual thing" menggantikan hebahan secara konvensional sebelum ini kerana masyarakat sekarang lebih dekat dan berminat dengan corak penyampaian penyiaran masakini secara audio visual



Trans-Box v2 dilengkapi informasi terkini dan mudah diakses serta lebih mesra pengguna



Trans-Box v2 juga lebih sistematik, menjimatkan masa operasi dan sumber manusia

Dengan terhasilnya inovasi ini, petugas dapat melaksanakan tugas dengan lebih cekap serta dapat melaksanakan reformasi baharu dalam tugas. Idea baharu yang diwujudkan ini adalah bagi mengikuti arus perdana dalam menggantikan cara kerja konvensional dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang sedia ada. Projek ini juga menolak persepsi pelanggan tentang perkhidmatan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Terengganu dengan menepati standard perkhidmatan. Projek ini juga mampu menjana pendapatan kerana berpotensi untuk diubahsuai mengikut keperluan agensi lain serta mana-mana individu kerana ianya adalah bersifat kontemporari. Dengan sentuhan inovasi penambahbaikan kepada Trans-Box v2 ini, diharap dapat memberi sinergi daripada semua pihak secara langsung dan tidak langsung dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan.

KESAN JANGKA PENDEK



Bilangan pengunjung ke pameran meningkat



Kualiti penyampaian perkhidmatan meningkat dan memberi kepuasan kepada pelanggan untuk mendapatkan informasi



Tahap kefahaman petugas dan pengunjung meningkat kerana ketersediaan hebahan Trans-Box v2 adalah berkonsepkan gabungan secara visual "actual thing"



Berlaku penjimatan kos operasi



Penjimatan masa pengendalian kerana Trans-Box v2 lebih sistematik



Penjimatan tenaga kerja menjadi lebih mudah



Kecekapan proses kerja dalam mengendalikan Trans-Box v2



Peningkatan ketepatan maklumat yang disampaikan kepada pengunjung



Peningkatan moral dan keseronokan bekerja bagi petugas



Peningkatan imej jabatan kerana memenuhi keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan dalam pendidikan pencegahan dadah



Menjamin kesihatan dan keselamatan petugas dengan persekitaran kerja yang kondusif

KESAN JANGKA PANJANG



Menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara



Seiring dengan konsep perkhidmatan awam dan dasar-dasar utama peringkat nasional



5. POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

Tahap ketersediaan Trans-Box v2 (Gabungan teknologi, sistem & proses)



Pemantauan projek pada aktiviti dan data utama bagi meningkatkan bilangan pengunjung dan tahap kefahaman petugas juga pengunjung



Replikasi
- Penyeragaman dengan memperluaskan inovasi ke semua Pejabat AADK dan organisasi

a) SOKONGAN PENGURUSAN DAN KELULUSAN

Bagi mendukung visi dan misi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sebagai agensi utama memerangi dadah di Malaysia terutama dalam menyampaikan mesej pendidikan pencegahan dadah kepada masyarakat, pihak pengurusan AADK Negeri Terengganu telah menahapi cabaran bagi menyertai pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam kerana menyedari hasil atau faedah yang diperolehi daripada pertandingan seumpama ini memberikan manfaat yang begitu besar kepada kakitangan AADK secara keseluruhannya.

■ Sumber Kewangan

Sememangnya dalam melaksanakan sesuatu projek, sumber kewangan merupakan satu sumber yang penting dalam menjayakan projek yang dirancang. Justeru, pengurusan tertinggi AADK Negeri Terengganu telah memberikan sepenuhnya suntikan dana kepada Kumpulan Cah Ligah dalam memastikan projek yang dirancang dapat diterjemahkan sebaiknya dan mencapai objektif yang diharapkan.

■ Sumber Manusia

Pemilihan ahli KIK ini telah diteliti dan dipilih sendiri oleh pihak pengurusan AADK Negeri Terengganu dalam memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan sebaik-baiknya oleh ahli. Bagi keahlian KIK tahun 2017 ini ahli adalah terdiri daripada gabungan 2 orang pegawai dan 2 orang kakitangan AADK Negeri Terengganu, 2 orang kakitangan AADK Daerah Kuala Terengganu dan 1 orang pegawai AADK Daerah Dungun. Ahli yang terpilih telah mendapat pelepasan yang sewajarnya dari pihak pengurusan dalam melaksanakan projek ini agar dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

■ Insentif dan Penghargaan

Kumpulan Cah Ligah juga telah mendapat pelbagai keistimewaan baik dari segi insentif dan juga penghargaan daripada pihak pengurusan. Pihak pengurusan telah memberikan insentif berupa pakaian iaitu baju korporat seragam kepada setiap ahli bagi tujuan keseragaman ketika menyertai pertandingan baik ketika peringkat Mini Konvensyen AADK dan juga ketika pertandingan Majlis Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Terengganu bagi tahun 2017. Ahli juga telah mendapat penghargaan yang sewajarnya ketika memperoleh kejayaan dalam penarafan bintang di Majlis Inovasi Perkhidmatan Awam peringkat negeri ini. Sesungguhnya dengan insentif dan penghargaan yang diberikan ini menyuntik lagi semangat ahli untuk membawa nama AADK Negeri Terengganu untuk memperoleh kejayaan yang lebih besar lagi.

■ Pengiktirafan Hasil Projek

Pihak pengurusan AADK Negeri Terengganu telah mengiktiraf hasil projek yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan Cah Ligah ini sebagai menepati kehendak dalam menyampaikan mesej pendidikan pencegahan dadah kepada masyarakat dan memberi imej yang baik kepada agensi dan juga keselesaan kepada petugas pameran dalam mengendalikan hasil projek ini ketika melaksanakan tugas di lapangan baik di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah.

Kumpulan Cah Ligah juga telah mendapat dan memperoleh pengiktirafan penarafan bintang projek KIK daripada kerajaan Negeri Terengganu dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Terengganu bagi tahun 2017 dengan memperoleh 3 bintang dan wang tunai sebanyak RM 800.00.

■ Pengembangan Inovasi

Pihak pengurusan AADK Negeri Terengganu telah mengarahkan agar hasil projek ini dikembangkan dan digunakan oleh Unit Pencegahan dan Publisiti AADK di seluruh AADK daerah di Negeri Terengganu secara berperingkat dalam memastikan penyampaian mesej pendidikan pencegahan dadah ini menarik perhatian masyarakat.

■ Kelulusan Pihak Pengurusan

Pada 27 Februari 2017, pihak pengurusan AADK Negeri Terengganu telah mengeluarkan satu surat arahan penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif AADK Negeri Terengganu dan kelulusan untuk mendapatkan idea dan menjalankan projek KIK.



Sesi *brainstorming* bersama ahli kumpulan dan fasilitator

a) KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI

Pemilihan tajuk projek iaitu 'Penyampaian Maklumat Pameran Bahan Dadah Yang Kurang Efisien dan Efektif' ini adalah bertepatan dan selari dengan fungsi utama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) iaitu :



b) MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN STAKEHOLDER

Pencegahan merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi seseorang dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Justeru, projek inovasi yang dijalankan ini adalah memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholder* iaitu masyarakat, klien, kakitangan dan pihak pengurusan.

- ✓ Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu dadah yang berlaku dewasa ini
- ✓ Memperkasakan Pendidikan Pencegahan Dadah kepada golongan sasaran
- ✓ Mendaya upayakan peranan Rakan Strategik, Rakan Pintar dan NGO's dalam membantu pihak kerajaan

c) SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Projek inovasi ini adalah seiring dengan konsep perkhidmatan awam dalam memastikan penyampaian perkhidmatan pendidikan pencegahan dadah adalah menepati kehendak rakyat dan dasar-dasar utama peringkat nasional iaitu :



Dasar Sosial Negara (DSN) adalah satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap



Memperkukuhkan sektor awam dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif



Penghayatan konsep Cepat, Tepat, Integriti (CTI) dan *Productivity, Creativity dan Innovation* (PCI) ini, warga penjawat awam dapat menyampaikan perkhidmatan yang berprestasi tinggi dan melangkaui ekspektasi rakyat



Penguatan komitmen Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat



Dirangka demi memastikan pengurangan jenayah dapat direalisasikan sejajar dengan matlamat negara dalam mengejar status negara maju



Sasaran untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

d) KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Dewasa ini, gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat negara kita semakin serius dan tidak dapat dibendung lagi. Justeru itu, penambahbaikan yang dilakukan pada projek inovasi ini adalah memenuhi dan memberi penekanan kepada keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan dalam pendidikan pencegahan dadah. Masyarakat sekarang lebih dekat dan berminat dengan hebahan berkonsepkan gabungan secara visual "actual thing" dan lebih menjimatkan kos operasi dan sumber manusia.

Kempen kesedaran bahaya dadah perlu berterusan



e) KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Kumpulan CAH LIGAH memilih Bidang Inovasi Dalam Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) iaitu Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dalam kategori penambahbaikan untuk menghasilkan projek kumpulan. Pemilihan projek ini adalah berpandukan beberapa ciri utama di dalam Inovasi Penyampaian Perkhidmatan iaitu :

- Memberi impak yang lebih besar dan keselesaan serta tanggapan positif pelanggan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Terengganu
- Meningkatkan kecekapan petugas dalam mengendalikan tugas yang diberikan
- Memberikan satu hasil yang besar dalam menjimatkan kos dengan mengoptimalkan seminima mungkin kos dalam melaksanakan tugas bagi menangani kekangan sumber kewangan pada negara serta bahagian pengurusan tadbir

• Kaedah Matrik Data Analisis

Q	C	D	TOTAL	DATA ANALISIS	S	M	A	R	T	TOTAL	GRAND TOTAL
3	2	1	6	SUMBER KEWANGAN MELAKSANAKAN PROGRAM TERHAD	1	3	2	3	1	10	6 x 10 = 60
1	1	2	4	KESUKARAN PELAKSANAAN OPERASI MENGESAN PENAGIH	1	3	2	2	1	9	4 x 9 = 36
2	2	2	6	PENGHANTARAN STATISTIK TIDAK PADA MASA TEPAT YANG DITETAPKAN	1	3	1	3	3	11	6 x 11 = 66
3	3	2	8	PENYAMPAIAN MAKLUMAT PAMERAN BAHAN DADAH YANG KURANG EFISIEN DAN EFEKTIF	3	3	3	3	2	14	8 x 14 = 112
3	2	2	7	PEMANTAUAN OKP TIDAK KOMPLIAN BERKESAN	3	3	3	2	2	13	7 x 13 = 91

Isu yang dipilih :

PENYAMPAIAN MAKLUMAT PAMERAN BAHAN DADAH YANG KURANG EFISIEN DAN EFEKTIF


f) PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

Analisa Jurang



• Analisis Data-Data Utama Projek

Pengumpulan Data Kepuasan dan Kefahaman Pengunjung (Pameran bahan dadah sedia ada)



BIL.	PROSES ALIRAN KERJA	1	2	3	4	5	JUM.
1	MULA	-	-	-	-	-	-
2	PERIKSA SET LENGKAP ALAT BAHAN DADAH	5	4	5	4	5	23
3	MEMBUAT CATATAN PADA BUKU REKOD UNTUK MENGELOKAR ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI STOK	3	4	3	3	3	16
4	BERGERAK KE PAMERAN	-	-	-	-	-	-
5	KELUAR ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI STOK	4	3	3	3	3	16
6	SUSUN ATUR ALAT PAMERAN BAHAN DADAH ATAS MEJA PAMERAN	6	5	5	5	5	26
7	PAMERAN BERLANGSUNG	-	-	-	-	-	-
8	MENGEMAS SEMULA ALAT PAMERAN BAHAN DADAH	5	4	5	5	5	24
9	LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM KOTAK	4	3	3	3	3	16
10	DADAH KE DALAM STOK DAN CATAT REKOD PEMULANGAN	6	5	6	6	6	29
11	SELESAI	-	-	-	-	-	-
	Jumlah masa yang diambil (minit)	33	28	30	29	30	150

Pengumpulan Data Masa dan Proses Kerja (Pameran bahan dadah sedia ada)

PURATA MASA PROSES = 150 MINIT / 5 KALI PAMERAN = 30 MINIT

a) STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN “TOOLS”

Kumpulan telah mengenalpasti strategi dan kaedah yang akan digunakan untuk tindakan penyelesaian dalam menghasilkan projek ini iaitu dengan menggunakan Kaedah ‘Design Thinking’ iaitu Empatize, Define, Ideate, Prototype dan Test.




“Empathize” iaitu memahami situasi semasa pameran dijalankan dengan menggunakan elemen “4M1E”

“Define” iaitu mengkaji peluang-peluang penambahbaikan bagi mengatasi isu yang dihadapi dengan menggunakan teknik “5W2H”

“Ideate” iaitu penggunaan Teknik “SCAMPER” untuk penghasilan idea penyelesaian dan berlandaskan konsep “Blue Ocean Strategy”

“Prototype” iaitu penjelasan dan Ciri-Ciri “KOTAK DUMMY DRUG” serta proses pembangunan “KOTAK DUMMY DRUG”

“Testing” iaitu pelan tindakan penyelesaian dan tempoh penghasilan projek





APA YANG DISASARKAN?

- Meningkatkan tahap kepuasan, tahap kefahaman, mengurangkan proses kerja serta menjimatkan masa dalam menyampaikan dan menerima informasi pendidikan pencegahan dadah

BILA AKAN DILAKSANAKAN?

- Semasa pameran dijalankan

SIAPA YANG DISASARKAN?

- Petugas dan pengunjung

DIMANA DILAKSANAKAN?

- AADK Negeri Terengganu

MENGAPA PERLU DILAKSANAKAN?

- Bagi mempertingkatkan kefahaman penyampaian informasi, penjimatan masa dan kos serta menyokong kepada Dasar-Dasar Kerajaan.

BAGAIMANA HENDAK DILAKSANAKAN?

- Merekacipta alat pameran yang lebih cekap dan efektif

APA YANG BOLEH DIJIMATKAN?

- Menjimatkan masa pengendalian, tenaga kerja dan kos operasi

DEFINE



IDEATE



Reverse / Rearrange

- Menyusun atur semula pengendalian pameran secara sistematik

Eliminate

- Menghapuskan carta alir kerja yang tidak sistematik

Put to other use

- Dijadikan alat bantu mengajar

Substitute

- Hebahan secara konvensional diganti dengan konsep gabungan secara visual "actual thing"

Combine

- Konsep alat bahan pameran sedia ada digabungkan ke dalam produk baru

Adapt

- Adaptasi dari alat pameran bahan dadah sedia ada

Modify / Magnify

- Menghasilkan reka bentuk yang lebih efisien



KONSEP BLUE OCEAN STRATEGY



ELIMINATE

Hapus unsur-unsur yang tidak bernilai

Kaedah penyampaian konvensional

REDUCE

Mengurangi unsur-unsur yang kurang nilainya

Informasi yang tidak efektif

RAISE

Meningkatkan unsur-unsur keunggulan produk

Konsep hebahan secara visual "actual thing"

CREATE

Mencipta hal-hal baru yang belum pernah ada

Penghasilan Trans-Box

b) PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

PELAN TINDAKAN PENYELESAIAN

PROTOTYPE



Mengubahsuaikan cara hebahan penyampaian maklumat kepada masyarakat



Menggabungkan konsep alat bahan sedia ada ke dalam inovasi baharu untuk menarik minat pengunjung ke pameran



Menyediakan informasi yang lebih jelas dan efektif serta lebih mesra pengguna



Menghapuskan cara penyampaian maklumat yang tidak efisien dengan menambah nilai akses informasi



Penyelarasan saiz dan rekabentuk yang lebih fleksibel



Menggunakan material yang lebih ringan untuk memudahkan petugas untuk mengendalikan pameran



CIRI-CIRI YANG DICADANGKAN

01

MUDAH DIKENDALI
DAN SISTEMATIK

-material
yang lebih
ringan

02

MENARIK DAN
BERINFORMASI

-mewujudkan cara
penyampaian maklumat
yang lebih jelas, efektif
dan mesra pengguna

03

FLEKSIBEL

-penyelarasan
saiz dan
rekabentuk
yang fleksibel

04

HEBAHAN KONSEP
MASA KINI

-menghapuskan
konsep penyampaian
lama kepada
teknologi masa kini

05

KESELESAAN
PETUGAS

-pengubahsuaian
teknik penyampaian
yang lebih efisien

PROSES PEMBANGUNAN IDEA

Proses pembangunan prototaip adalah bermula dengan sebuah idea.

Kumpulan terlebih dahulu mengenalpasti masalah paling mungkin dan memahami situasi permasalahan tersebut. Peluang penambahbaikan dikaji untuk penghasilan idea penyelesaian dan akhirnya proses pembangunan idea dibangunkan untuk menghasilkan projek inovasi ini. Proses pembangunan idea ini melalui lima peringkat aktiviti sebagaimana rajah di bawah.



NAMA PROTOTAIP

TRANS-BOX v2



Satu rekaan inovasi kotak pameran alat bahan dadah mudah alih yang akan dibina oleh ahli Cah Ligah



Penjimatan masa pengendalian serta mengurangkan carta alir proses kerja



Trans-box V2 merupakan gabungan hebahan secara visual "actual thing" dan lebih berinformasi

TOUCH SCREEN TABLET

35cm



Digunakan semasa program anjuran AADK dan jemputan pameran daripada jabatan lain

DUMMY BOX



Bertujuan untuk memberi dan menyampaikan perkhidmatan bermaklumat secara lebih efisien dan efektif

TRANS

TRANSFORMASI

Bahan baru yang direkacipta

BOX

KOTAK

Kotak alat bahan pameran dadah

v2

VERSI KE 2

Inovasi penambahbaikan kali ke 2

PERANCANGAN

KAJIAN MATERIAL

REKA BENTUK SPESIFIKASI

PEMBINAAN TRANS-BOX

INSTALLASI


UJI RINTIS

BERJAYA

ANALISA DATA

PELAKSANAAN

TESTING



KEPUTUSAN (PENCAPAIAN SASARAN OUTCOME)



c) PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA



BIL.	PROSES ALIRAN KERJA	PAMERAN					
		1	2	3	4	5	JUM.
1	MULA	-	-	-	-	-	-
2	PERIKSA SET LENGKAP ALAT BAHAN DADAH	5	4	5	4	5	23
3	MEMBUAT CATATAN PADA BUKU REKOD UNTUK MENGELUARKAN ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI STOR	3	4	3	3	4	17
4	BERGERAK KE PAMERAN	-	-	-	-	-	-
5	KELUARKAN SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI KOTAK	DIGUGURKAN					
6	SUSUN ATUR ALAT PAMERAN BAHAN DADAH ATAS MEJA PAMERAN	DIGUGURKAN					
7	PAMERAN BERLANGSUNG	-	-	-	-	-	-
8	MENGEMAS SEMULA ALAT PAMERAN BAHAN DADAH	DIGUGURKAN					
9	MEMASUKKAN SEMULA SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM KOTAK	DIGUGURKAN					
10	SIMPAN ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM STOR DAN CATAT REKOD PEMULANGAN	6	5	6	6	7	30
11	SELESAI	-	-	-	-	-	-
JUMLAH MASA YANG DIAMBIL (MINIT)		14	13	14	13	16	70

PURATA MASA PROSES = 70 MINIT / 5 KALI PAMERAN = 14 MINIT



Pada 19-20 Disember 2017, kumpulan telah menyertai Majlis Persada Inovasi 2017 Peringkat Negeri Terengganu. Program yang disertai oleh 24 kumpulan dari pelbagai jabatan dan organisasi ini telah dianjurkan oleh SUK Negeri Terengganu. Majlis berakhir dengan penarafan bintang kepada setiap kumpulan dan Kumpulan Cah Ligah telah berjaya mendapat penarafan sebanyak 3 bintang.



d) PELAKSANAAN INOVASI

PERKONGSIAN INOVASI PERINGKAT DALAMAN KE PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN LAIN


Trans-Box v2 direplikasikan dan diseragamkan penggunaannya ke 7 daerah iaitu AADK Daerah Kuala Terengganu, AADK Daerah Kemaman, AADK Daerah Dungun, AADK Daerah Marang, AADK Daerah Hulu Terengganu, AADK Daerah Besut dan AADK Daerah Setiu



d) **PELAKSANAAN INOVASI**
PEMANTAUAN PROJEK(DATA-DATA UTAMA)

**GRAF SOAL SELIDIK TAHAP KEPUASAN DAN KEFAHAMAN PENGUNJUNG
MENGUNAKAN BAHAN PAMERAN DADAH SEDIA ADA**


1



2

BIL.	PROSES ALIRAN KERJA	PAMERAN					JUM.
		1	2	3	4	5	
1	MULA	-	-	-	-	-	-
2	PERIKSA SET LENGKAP ALAT BAHAN DADAH	5	4	5	4	5	23
3	MEMBUAT CATATAN PADA BUKU REKOD UNTUK MENGEKSPLOKASI ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI STOR	3	4	3	3	3	16
4	BERGERAK KE PAMERAN	-	-	-	-	-	-
5	KELUARAN SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI KOTAK	4	3	3	3	3	16
6	SUSUN ATUR ALAT PAMERAN BAHAN DADAH ATAS MEJA PAMERAN	6	5	5	5	5	26
7	PAMERAN BERLANGSUNG	-	-	-	-	-	-
8	MENGEMAS SEMULA ALAT PAMERAN BAHAN DADAH	5	4	5	5	5	24
9	MEMASUKKAN SEMULA SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM KOTAK	4	3	3	3	3	16
10	SIMPAN ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM STOR DAN CATAT REKOD PEMULANGAN	6	5	6	6	6	29
11	SELESAI	-	-	-	-	-	-
JUMLAH MASA YANG DIAMBIL (MINIT)		33	28	30	29	30	150
PURATA MASA PROSES = 150 MINIT / 5 KALI PAMERAN = 30 MINIT							

3



**CARTA ALIR
PROSES KERJA DUMMY DRUGS**

**JADUAL PURATA
MASA PENGENDALIAN DUMMY DRUGS**

**IMPLIKASI KOS YANG TERLIBAT
(Kos bahan dan peralatan)**

BIL	JENIS BAHAN	KUANTITI	HARGA (RM)
1.	LAMPU LED	2 SET	RM 100.00
2.	ALUMINIUM	4 BATANG	RM 150.00
3.	TOUCH SCREEN TABLET	1 UNIT	RM 200.00
4.	PERALATAN TEKNIKAL	LUMPSUM	RM 150.00
JUMLAH			RM 600.00

**FAEDAH, KEISTIMEWAAN ATAU KEUNIKAN INOVASI YANG
DIHASILKAN**



CABARAN DAN HALANGAN YANG DIHADAPI

1 Kesuntukan masa dalam melaksanakan tugas

CARA ATASI

Menggunakan waktu cuti bagi menyelesaikan tugas

2 Pertindihan tugas pejabat dan program daerah

CARA ATASI

Mewujudkan takwim dan surat pelepasan sehingga mencapai progres projek yang ditetapkan

3 Ahli berulang alik dari AADK K. Trg, Dungun, dan Besut

CARA ATASI

Mohon pihak pengurusan mengadakan bengkel secara bermalam



4 Kurang mahir dengan prosedur KIK Horizon Baharu

CARA ATASI

Mendapatkan khidmat konsultasi secara intensif

4.1 (a) PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN (DATA PERBANDINGAN)

Pencapaian Peningkatan Tahap Kepuasan dan Kefahaman Pengunjung Pameran



Mencapai sasaran

Graf perbandingan di atas menunjukkan dapatan data tahap kepuasan dan kefahaman pengunjung pameran yang meningkat dengan menggunakan Trans-Box v2 berbanding pameran bahan dadah sedia ada (Dummy Drug) yang diperolehi melalui borang kaji selidik kepuasan pelanggan yang diedarkan.

Pencapaian Pengurangan Masa Pengendalian

Jadual Purata Masa Pengendalian Dummy Drug

BIL.	PROSES ALIRAN KERJA	PAMERAN					
		1	2	3	4	5	JUM.
1	MULA	-	-	-	-	-	-
2	PERIKSA SET LENGKAP ALAT BAHAN DADAH	5	4	5	4	5	23
3	MEMBUAT CATATAN PADA BUKU REKOD UNTUK MENGELOARKAN ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI STOR	3	4	3	3	3	16
4	BERGERAK KE PAMERAN	-	-	-	-	-	-
5	KELUARKAN SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI KOTAK	4	3	3	3	3	16
6	SUSUN ATUR ALAT PAMERAN BAHAN DADAH ATAS MEJA PAMERAN	6	5	5	5	5	26
7	PAMERAN BERLANGSUNG	-	-	-	-	-	-
8	MENGEMAS SEMULA ALAT PAMERAN BAHAN DADAH	5	4	5	5	5	24
9	MEMASUKKAN SEMULA SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM KOTAK	4	3	3	3	3	16
10	SIMPAN ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM STOR DAN CATAT REKOD PEMULANGAN	6	5	6	6	6	29
11	SELESAI	-	-	-	-	-	-
	JUMLAH MASA YANG DIAMBIL (MINIT)	33	28	30	29	30	150

PURATA MASA PROSES = 150 MINIT / 5 KALI PAMERAN = 30 MINIT

Jadual Purata Masa Pengendalian Trans-Box

BIL.	PROSES ALIRAN KERJA	PAMERAN					
		1	2	3	4	5	JUM.
1	MULA	-	-	-	-	-	-
2	PERIKSA SET LENGKAP ALAT BAHAN DADAH	5	4	5	4	5	23
3	MEMBUAT CATATAN PADA BUKU REKOD UNTUK MENGELOARKAN ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI STOR	3	4	3	3	4	17
4	BERGERAK KE PAMERAN	-	-	-	-	-	-
5	KELUARKAN SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH DARI KOTAK	DIGUGURKAN					
6	SUSUN ATUR ALAT PAMERAN BAHAN DADAH ATAS MEJA PAMERAN	DIGUGURKAN					
7	PAMERAN BERLANGSUNG	-	-	-	-	-	-
8	MENGEMAS SEMULA ALAT PAMERAN BAHAN DADAH	DIGUGURKAN					
9	MEMASUKKAN SEMULA SET LENGKAP ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM KOTAK	DIGUGURKAN					
10	SIMPAN ALAT PAMERAN BAHAN DADAH KE DALAM STOR DAN CATAT REKOD PEMULANGAN	6	5	6	6	7	30
11	SELESAI	-	-	-	-	-	-
	JUMLAH MASA YANG DIAMBIL (MINIT)	14	13	14	13	16	70

PURATA MASA PROSES = 70 MINIT / 5 KALI PAMERAN = 14 MINIT

Mencapai sasaran

Jadual purata menunjukkan penjimatan masa pengendalian dengan menggunakan TRANS-BOX v2 berjaya dikurangkan sebanyak

16 minit
(Purata bagi 5 kali pameran)

= 53%

(melebihi sasaran awal)


Mencapai sasaran

Carta alir proses kerja menunjukkan 4 proses kerja telah digugurkan dan tidak lagi diperlukan dengan menggunakan TRANS-BOX v2 menjadikan pengurangan dari 11 proses kerja hanya kepada

7 PROSES SAHAJA!

Pencapaian Pengurangan Proses Kerja Dalam Carta Aliran

Carta Alir Proses Kerja Dummy Drug



Carta Alir Proses Kerja TRANS-BOX



4.1 (b) FAEDAH SAMPINGAN - KESAN JANGKA PENDEK

Idea baharu yang diwujudkan ini adalah bagi mengikuti arus perdana dalam menggantikan cara kerja konvensional dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang sedia ada. Projek ini juga menolak persepsi pelanggan tentang perkhidmatan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Terengganu dengan menepati standard perkhidmatan awam.




Pengunjung menjawab soal selidik kepuasan pelanggan



- ☒ Bilangan pengunjung ke pameran meningkat
- ☒ Kualiti penyampaian perkhidmatan meningkat dan memberi kepuasan kepada pelanggan untuk mendapatkan informasi
- ☒ Tahap kefahaman petugas dan pengunjung meningkat kerana ketersediaan hebahan Trans-Box v2 adalah berkonsepkan gabungan secara visual "actual thing"
- ☒ Berlaku penjimatan kos operasi
- ☒ Penjimatan masa pengendalian kerana Trans-Box v2 lebih sistematik
- ☒ Penjimatan tenaga kerja menjadi lebih mudah
- ☒ Kecekapan proses kerja dalam mengendalikan Trans-Box v2
- ☒ Peningkatan keberkesanan maklumat yang disampaikan kepada pengunjung
- ☒ Peningkatan moral dan keseronokan bekerja bagi petugas
- ☒ Peningkatan imej jabatan kerana memenuhi keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan dalam pendidikan pencegahan dadah
- ☒ Menjamin kesihatan dan keselamatan petugas dengan persekitaran kerja yang kondusif

FAEDAH SAMPINGAN YANG DIPEROLEHI



● Keberhasilan projek ini dapat deningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan awam sejajar dengan penghayatan konsep CTI dan PCI agar penjawat awam dapat menyampaikan perkhidmatan yang berprestasi tinggi dan melangkaui ekspektasi rakyat

● Keberhasilan projek ini dapat meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan pencegahan dadah kepada kumpulan sasar supaya menentang penyalahgunaan dadah berbahaya

● Keberhasilan projek ini dapat menjimatkan kos operasi, tenaga kerja dan masa pengendalian kerana Trans-Box v2 adalah sangat efisien dan efektif

● Keberhasilan projek ini menjadikan penyampaian informasi yang terdapat pada Trans-Box yang tepat dan mesra pelanggan dapat menarik minat pengunjung untuk mendapatkan informasi terkini mengenai jenis-jenis dadah yang ada di Malaysia mahupun di dunia




● Keberhasilan projek ini dapat mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan selamat

● Keberhasilan projek ini dapat meningkatkan moral dan keseronokan bekerja petugas dalam mengendalikan pameran dalam satu-satu masa

NILAI TAMBAH (VALUE ADDED)


- ✓ Penambahan meja lipat boleh laras bagi membolehkan Trans-Box v2 berada di pelbagai ruangan ketika mengadakan pameran samada di dalam ataupun diluar bangunan
- ✓ Penambahan kod keselamatan berupa sistem berpusat sebagai ciri-ciri keselamatan tambahan Trans-Box v2 terutama ketika tugas pameran berlangsung dalam program berskala besar
- ✓ Penyeragaman inovasi ke dalam jabatan supaya keseragaman dapat diseragamkan ke semua AADK Negeri dan AADK Daerah
- ✓ Memperluaskan inovasi Trans-Box v2 ke semua sektor perkhidmatan awam
- ✓ Memperkenalkan dan memperluaskan transformasi Trans-Box v2 ke semua sektor swasta.
- ✓ Mengadakan kolaborasi inovasi hibrid untuk mengkomersialkan Trans-Box v2 ke peringkat yang lebih tinggi.
- ✓ Mendapatkan pemilikan hak paten Trans-Box v2 sebagai hak milik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Terengganu
- ✓ Pengkomersialan Trans-Boxv2 untuk dipasarkan ke peringkat yang lebih tinggi

4.2 (a) PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN



Carta peratusan menunjukkan perbandingan kepuasan dan kefahaman pengunjung pameran dengan menggunakan Dummy Drugs (panel sedia ada) dan Trans-Box v2. Peratusan yang diperolehi menunjukkan pengunjung bersetuju dengan reka bentuk dan informasi Trans-Box v2 yang lebih efisien dan efektif iaitu sebanyak

97% berbanding hanya 35% dengan menggunakan Dummy Drug.



IMPAK PROJEK (HASIL LUAR JANGKA)

01

Pengurangan statistik penagih dadah

02

Penurunan statistik jenayah semasa

03

Pembentukan sahsiah diri remaja

04

Pengurangan masalah sosial negara

05

Penguatan institusi keluarga

06

Keluhuran institusi sosial

4.2 (b) FAEDAH SAMPINGAN (KESAN KEPADA PEMBANGUNAN SERTA KEMAJUAN NEGARA)

- ✓ Peningkatan mutu penyampaian pendidikan pencegahan dadah dapat dipertingkatkan
- ✓ Peningkatan modal insan dikalangan masyarakat
- ✓ Peningkatan produktiviti negara dimata dunia
- ✓ Peningkatan kesejahteraan hidup rakyat
- ✓ Peningkatan ekonomi negara
- ✓ Peningkatan daya inovasi dalam sektor awam
- ✓ Taraf kesihatan rakyat meningkat membawa kepada jangka hayat yang lebih baik

a) TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI, SISTEM DAN PROSES TRANS-BOX v2



Penggabungan teknologi audio dan visual “actual thing” yang terdapat pada Trans-Box v2 yang sedia untuk digunapakai ketika pameran berlangsung

Sistem yang digunakan dalam projek inovasi mudah untuk diadaptasikan dan mesra pengguna selain dilengkapi oleh informasi yang jelas dan mudah difahami

Pengembangan idea dalam menginovasikan produk bagi meningkatkan kepuasan dan kefahaman pengunjung serta mengurangkan masa pengendalian dan carta alir dalam proses kerja sekaligus memberi keselesaan kepada petugas pameran dalam mengendalikannya

Kemampuan Trans-Box v2 untuk muncul sebagai produk yang boleh dikomersialkan ke peringkat lebih tinggi lagi



(b) TAHAP REPLIKASI / PENGKOMERSIALAN

Penyeragaman dan Replikasi

- ✓ Penyeragaman penggunaan Trans-Box v2 akan diperluaskan ke seluruh agensi di AADK baik di peringkat AADK Negeri dan AADK Daerah
- ✓ Memperluaskan penggunaan Trans-Box v2 sebagai medium baru dalam pameran di kalangan Agensi Kerajaan
- ✓ Memperluaskan penggunaan Trans-Box v2 sebagai medium baru pameran ke sektor swasta
- ✓ Mengadakan Inovasi hibrid Trans-Box v2 sebagai platform digital di dalam persembahan dan interaksi bersama pengguna dan pengunjung.

PENGEMBANGAN PROJEK

SURAT ARAHAN PENYERAGAMAN



MAJLIS PERSADA INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM 2017



MINI KONVENSYEN AADK 2017

Pihak pengurusan AADK Negeri Terengganu telah mengeluarkan surat arahan penyeragaman penggunaan Trans-Box v2 ke seluruh daerah AADK Negeri Terengganu iaitu AADK Daerah Kuala Terengganu, AADK Daerah Marang dan secara berperingkat ke AADK Daerah Dungun, AADK Daerah Kemaman, AADK Daerah Hulu Terengganu, AADK Daerah Setiu dan AADK Daerah Besut.



Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Terengganu
Tingkat 4 Wisma Seri Amar
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-6234199 Fax: 09-624 8507
FB: AADK Terengganu